

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HGM 332 Geografi Ekonomi

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Peningkatan penggunaan input modal di kawasan-kawasan pertanian telah mengurangkan masalah bekalan bahan-bahan makanan di negara membangun. Bincangkan pernyataan ini dengan memberi contoh-contoh dari negara membangun.
(25 markah)

2. Sektor perindustrian dianggap sebagai penawar kepada masalah kemiskinan di negara membangun. Sejauh manakah ianya benar?
(25 markah)

3. (a) Apakah ciri-ciri asas ekonomi dunia moden?
(10 markah)

- (b) Sejauh manakah benar ekonomi dunia moden dikuasai oleh negara maju sahaja?
(15 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Perdagangan Antarabangsa dalam perkhidmatan komersil telah meningkat. Bincangkan ciri-ciri perubahan dalam pengeluaran dan perdagangan bagi perkhidmatan komersil dalam dunia.
(25 markah)
5. (a) Apakah masalah yang dihadapi oleh GATT?
(10 markah)
- (b) Bincangkan isu-isu utama Rundingan Pusingan Uruguay dan masalah yang berkaitan dengan isu-isu tersebut.
(15 markah)
6. Sejauh mana boleh dibahaskan bahawa impak Koperat Antarabangsa (TNCs) membabitkan kos dan manfaat yang berlainan kepada Negara tuan rumah. Bincangkan dengan contoh-contoh yang sesuai.
(25 markah)

-oooOOoooo-